

# Ibarat ditelan mati emak, diluahkan mati bapa

Ada jabatan agama Islam menikahkan warga asing dengan wanita tempatan walaupun ia menyalahi undang-undang imigresen, atas alasan mengelak berlakunya maksiat dan keterlanjuran. Ramai ibu bapa memohon kebenaran anak perempuan mereka bernikah kerana terlalu rapat dengan pekerja asing dan risau timbul masalah seperti hubungan seks tanpa nikah.

Ada juga pemohon sudah hamil dan perlu dinikahkan. Jika tidak, warga asing akan lari. Seterusnya, pasangan yang berkahwin di negara jiran, jadi jabatan agama ada tanggungjawab mendaftarkan perkahwinan supaya surat nikah Malaysia boleh dikeluarkan.

Keempat, mungkin jabatan agama tidak tahu wujud halangan menikahkan warga asing dengan wanita Malaysia dan melihatnya sebagai satu kewajipan pihak berkuasa demi menjaga kemaslahatan wanita Malaysia. Jika jabatan agama tahu, tetapi tidak hukum pegawainya yang menikahkan pasangan kerana melanggar Akta Imigresen maka ia akan terus berlaku.

Bagaimanapun, mustahil jabatan agama Islam tidak tahu kewujudan larangan itu. Dalam borang permohonan bernikah, pihak lelaki perlu tunjuk bukti masih bujang. Ini hanya boleh diperolehi dari kedutaannya dan permohonan untuk dapat penge-

sahan secara automatik melanggar syarat permit pekerjaannya.

## Ada unsur sogokan

Sememangnya tidak mustahil bagi jabatan agama menikahkan pasangan warga asing dengan wanita Malaysia, namun jika ia berlaku, mesti ada unsur sogokan atau rayuan luar biasa menyebabkan jabatan agama melakukannya. Kebanyakan kes, pasangan bernikah di negara jiran atau di negara asal pekerja asing itu.

Warga asing ingin terus tinggal di sini kerana Malaysia aman dan makmur. Mereka ingin membaiki kehidupan. Warga asing juga sering tersalah faham mengenai keistimewaan mengahwini warga Malaysia. Ramai beranggapan boleh dapat pelbagai keistimewaan seperti rakyat Malaysia sedangkan perkahwinan hanya menghalalkan hubungan suami isteri. Mungkin selepas 7 hingga 10 tahun, warga asing boleh mohon sijil penduduk tetap.

Selagi mereka warga asing, mereka masih perlu dapat permit untuk terus tinggal di Malaysia. Ada juga yang perlu kembali ke negara asal berbulan-bulan menyebabkan isteri tidak dapat nafkah. Mereka juga perlu bayar perubatan seperti warga asing lain dan tidak layak meminjam dari bank atau mendaftar perniagaan kecuali membayar fi lebih tinggi.

Jika membeli harta seperti rumah, mereka masih membayar



Warga asing ingin terus tinggal di sini kerana Malaysia aman dan makmur. Mereka ingin membaiki kehidupan. Warga asing juga sering tersalah faham mengenai keistimewaan mengahwini warga Malaysia. Ramai beranggapan boleh dapat pelbagai keistimewaan seperti rakyat Malaysia sedangkan perkahwinan hanya menghalalkan hubungan suami isteri”

harga untuk warga asing kecuali rumah di bawah nama isteri. Bagi warga asing yang bekerja di Malaysia, jika mereka berkahwin dengan wanita Malaysia, mereka berharap tidak perlu memohon permit pekerjaan tetapi permit tinggal sebagai pasangan kepada warga negara.

## Daftar atas nama isteri

Jika hendak berniaga, mereka akan memastikan semua perniagaan didaftarkan atas nama isteri dan jika membeli rumah atau menyewa bangunan, juga menggunakan nama isteri.

Dalam banyak kes, pada awal perkahwinan semuanya baik dan isteri berasa amat gembira kerana suami mendaftar perniagaan dan rumah atas namanya. Apa yang isteri tidak tahu ialah jika rumah dibeli dengan pinjaman bank yang diambil isteri. Masalahnya apabila suami balik ke negaranya dan tidak kembali. Isteri yang menanggung hutang.

Masalah paling serius ialah apabila bernikah senyap-senyap dan tidak berdaftar. Lebih banyak masalah timbul kerana mereka di kaca mata perundangan seperti tidak berkahwin dan anak mereka seperti anak tidak sah taraf. Pihak yang menikahkan tanpa kebenaran jabatan agama Islam negeri boleh dikenakan tindakan dan dihukum Mahkamah Syariah mengikut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam.

## Komentaran



### Datuk Noor Aziah Mohd Awal

Profesor Undang-undang Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)